

## **PERUBAHAN PROSEDUR BAGI SARINGAN KESIHATAN, UJIAN PENGESANAN JANGKITAN COVID-19 & KUARANTIN BAGI PENGEMBARA YANG TIBA DI PINTU MASUK ANTARABANGSA MALAYSIA**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia melalui suratnya bertarikh 12 Ogos 2021 telah menjelaskan dengan terperinci berkenaan Perubahan Prosedur Bagi Saringan Kesihatan, Ujian Pengesanan Jangkitan COVID-19 & Kuarantin Bagi Pengembara Yang Tiba Di Pintu Masuk Antarabangsa Malaysia.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum berkaitan ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia bertarikh 8 Ogos 2021 mengenai kemudahan-kemudahan bagi individu yang telah menerima imunisasi lengkap COVID-19.

Sehubungan itu, KKM telah membuat semakan semula ke atas prosedur saringan kesihatan, saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 dan kuarantin kepada pengembara dari luar negara yang tiba di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia.

Prosedur yang berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat tersebut dikeluarkan adalah seperti di Lampiran 1, A & B.

**PROSEDUR BAGI SARINGAN KESIHATAN, UJIAN PENGESANAN JANGKITAN COVID-19 DAN KUARANTIN KEPADA PENGEMBARA WARGA NEGARA DAN BUKAN WARGA NEGARA YANG BARU TIBA DI MALAYSIA DARI LUAR NEGARA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum Ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia bertarikh 8 Ogos 2021 mengenai kemudahan-kemudahan bagi individu yang telah menerima imunisasi lengkap COVID-19. Sehubungan dengan itu, KKM telah membuat semakan semula ke atas prosedur saringan kesihatan, saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 dan kuarantin kepada pengembara dari luar negara yang tiba di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia.

**Prosedur Pengurusan Pengembara dari Luar Negara**

- i. Pengembara perlu menjalani saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan ujian RT-PCR COVID-19 selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum berlepas dan hanya pengembara yang mempunyai keputusan ujian negatif COVID-19 boleh meneruskan penerbangan ke Malaysia;
- ii. Pengembara perlu membuat permohonan rasmi untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman dengan menghantar emel kepada Kementerian Kesihatan Malaysia di alamat: [hso@moh.gov.my](mailto:hso@moh.gov.my);
- iii. Penilaian risiko terhadap pengembara berdasarkan kepada permohonan untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman akan dijalankan. Rumah atau Tempat kediaman boleh dipertimbangkan untuk dijadikan sebagai tempat kuarantin wajib sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:
  - a. Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai rumah atau tempat kediaman di Malaysia (termasuk PR, *Malaysia as My Second Home resident – MM2H* dan pekerja).
  - b. Negatif ujian saringan pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR

- c. Pengembara yang telah menerima imunisasi lengkap COVID-19 (rujuk **Lampiran A**)
  - d. Rumah atau tempat kediaman adalah bersesuaian (rujuk **Lampiran A**);
- iv. Pengembara dikehendaki memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan dalam aplikasi MySejahtera;
  - v. Pengembara dikehendaki mengimbas *QR Code* "Pengembara dari Luar Negara" dengan menggunakan aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di PMA;
  - vi. Pengembara dikehendaki menjalani saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 iaitu ujian RT-PCR COVID-19 semasa ketibaan di PMA. Fi saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 ditanggung oleh PUS;
  - vii. Penilaian kesihatan dijalankan kepada semua pengembara yang tiba di PMA;
  - viii. Pengembara yang **tiada gejala** akan diambil swab untuk ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR.
  - ix. Pengembara yang **bergejala ringan** dikehendaki menjalani ujian saringan pengesanan jangkitan COVID-19, RTK Ag atau RT-PCR. Pengembara dibenarkan untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman. Pengembara dikehendaki sentiasa memakai pelitup muka. Fi ujian COVID-19 ditanggung oleh pengembara.
  - x. Pengembara yang mengalami **gejala sederhana / teruk** dirujuk ke kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit. Tindakan selanjutnya adalah berdasarkan kepada penilaian kesihatan dan keputusan pakar;
  - xi. Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang **tidak mematuhi syarat-syarat** tersebut **perlu menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin yang diwartakan oleh kerajaan**;
  - xii. **Tempoh kuarantin wajib** bagi pengembara dari semua negara adalah **14 hari**. Namun begitu, tempoh kuarantin 14 hari ini akan

**dilanjutkan selama 7 hari lagi** (menjadikan jumlah kuarantin 21 hari) sekiranya terdapat keperluan berdasarkan hasil **penilaian risiko** terhadap pengembara tersebut yang dijalankan **pada hari ke-14**. Kuarantin tambahan ini akan dilaksanakan di tempat kediaman, rumah atau stesen kuarantin yang sama;

- xiii. Pengembara yang tiba dari luar negara dan singgah (transit) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dibenarkan meneruskan penerbangan atau perjalanan ke negeri-negeri lain di Malaysia kecuali pengembara yang bergejala, dikesan positif COVID-19 atau kontak rapat kepada kes positif;
- xiv. Pengembara yang tiba dari luar negara dan singgah (*transit*) di KLIA dan **tidak mempunyai keputusan ujian pengesanan COVID-19** yang diperlukan untuk meneruskan perjalanan ke negara destinasi antarabangsa yang lain, **TIDAK** dibenarkan untuk menjalani ujian RT-PCR COVID-19 di KLIA. Keputusan ini dibuat berdasarkan situasi pandemik COVID-19 semasa negara ini dan kapasiti Pusat Rawatan COVID-19 Risiko Rendah (PKRC), hospital kerajaan serta swasta untuk merawat kes COVID-19 adalah terhad;
- xv. Pengembara diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order – HSO*) secara **digital** dan dipasang dengan **gelang tangan** pengawasan (*wristband*) atau peranti gelang pengawasan (*digital tracker*) di PMA. Pengembara ini akan dinamakan sebagai *Person Under Surveillance (PUS)*;
- xvi. PUS dikehendaki membuat **penilaian sendiri setiap hari** melalui *Home Assessment Tool (HAT)* dalam aplikasi MySejahtera dan aktiviti ini perlu diteruskan sehingga **14 hari dari tarikh ketibaan**;
- xvii. Pegawai Kesihatan PMA dikehendaki menghantar sesalinan HSO kepada CPRC Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah berkaitan;
- xviii. Jika PUS mengalami gejala dalam tempoh kuarantin, PUS dikehendaki datang ke fasiliti kesihatan berhampiran untuk penilaian status kesihatan sepertimana garis panduan sedia ada (rujuk Garis Panduan Pengurusan Covid-19 di Malaysia No. 5/2020 (kemaskini pada 05 Ogos 2021). **Fi saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 ditanggung oleh PUS**;

- xix. **Ujian ulangan** saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR COVID-19 dilakukan **pada hari ke 10 atau hari ke 18** (bagi pengembara yang **perlu menjalani kuarantin** selama 21 hari). Jika keputusan ini adalah negatif, pelepasan perintah pengawasan & pemerhatian (*release order* - RO) akan dipaparkan dalam aplikasi MySejahtera pada hari ke-14. Sekiranya PUS memerlukan sesalinan (*hard copy*) RO boleh dipohon daripada Pejabat Kesihatan berhampiran. Gelang pengawasan dipotong di Pejabat Kesihatan berhampiran.

Nota: Rujuk Carta Alir di **Lampiran A dan B**.

**Bahagian Kawalan Penyakit**

11 Ogos 2021

## LAMPIRAN A

### 1. Lengkap imunisasi COVID-19:

- 2 dos lengkap vaksinasi iaitu lebih daripada 14 hari selepas tarikh dos kedua
- Single dose vaksin iaitu lebih daripada 28 hari dari tarikh suntikan vaksin

### 2. Penilaian Kesesuaian Rumah atau Tempat Kediaman

Bil.	Perkara	Sila nyatakan jumlah
1.	*Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman	
2.	Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman berusia > 60 tahun (warga emas)	
3.	Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman berumur 12 tahun ke bawah	
4.	Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman yang mempunyai penyakit kronik	
5.	Bilangan ibu mengandung	
6.	Bilangan bilik dalam rumah atau tempat kediaman	
7.	Bilangan bilik mandi/tandas	
8.	Bilangan bilik yang bersambung dengan bilik mandi/tandas ( <i>attached bathroom</i> )	

\* Jumlah semua ahli rumah atau tempat kediaman yang akan berada di tempat kuarantin


### Amalan semasa kuarantin di rumah atau tempat kediaman

- i. Memakai pelitup muka sepanjang perjalanan dari Pintu Masuk Antarabangsa ke rumah atau tempat kediaman.
- ii. Kuarantin dalam bilik yang berasingan daripada ahli keluarga.
- iii. Bilik mempunyai tandas bersambung (*attached bathroom*).


- iv. Pakai pelitup muka sekiranya perlu keluar dari bilik dalam rumah **atau tempat kediaman** dan elakkan bergaul rapat dengan orang lain. Hadkan jarak anda dengan mereka yang sihat **sekurang-kurangnya dua (2) meter**.
- v. Pastikan pengudaraan rumah **atau tempat kediaman** dalam keadaan baik seperti membuka tingkap.
- vi. Makanan hendaklah dihantar ke bilik oleh ahli keluarga (hanya diletakkan di luar bilik)
- vii. Gelang pengawasan hendaklah dipakai sepanjang masa perintah pengawasan dan pemerhatian.
- viii. Perlu sentiasa boleh dihubungi.
- ix. Hendaklah berada di rumah **atau tempat kediaman** sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian ini.
- x. Sekiranya anda bergejala, sentiasa pakai pelitup muka. Tutup mulut dan hidung anda menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan **CUCI TANGAN serta merta** dengan sabun atau *hand sanitiser*. Dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran untuk penilaian kesihatan.
- xi. Jalani ulangan saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR COVID-19 pada hari ke 10.
- xii. Jika keputusan saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR COVID-19 adalah negatif, pelepasan perintah pengawasan & pemerhatian (*release order* - RO) akan dipaparkan dalam aplikasi MySejahtera pada hari ke-14. PUS dikehendaki ke Pejabat Kesihatan berhampiran untuk pemotongan gelang pengawasan. Sekiranya PUS memerlukan sesalinan (*hard copy*) RO boleh dipohon daripada Pejabat Kesihatan berkaitan.



**CARTA ALIR PENGURUSAN PENGEMBARA YANG MASUK KE MALAYSIA DARI LUAR NEGARA**







**Bahagian Kawalan Penyakit**  
**11 Ogos 2021**

# CARTA ALIRAN PENGURUSAN PENGEMBARA YANG MASUK KE MALAYSIA DARI LUAR NEGARA



**Sebelum berlepas:**

- Memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan dalam MySejahtera
- Jalani ujian RT-PCR COVID-19 dalam tempoh 3 hari sebelum berlepas
- Bawa keputusan ujian pengesanan COVID-19
- Membuat permohonan kuarantin di rumah/tempat kediaman melalui emel hso@moh.gov.my
- Bawa emel kebenaran kuarantin di rumah/tempat kediaman

Tiba di Pintu Masuk Antarabangsa

- Mengimbas kod QR MySejahtera untuk "Pengembara Luar Negara"
- Saringan suhu badan
- Semakan laporan ujian pengesanan COVID-19
- Saringan gejala

Saringan gejala

tidak bergejala

Jalani ujian RT-PCR

Semakan

- Kuarantin di rumah atau tempat kediaman
- Pengesanan sijil vaksinasi COVID-19

Lulus

Kuarantin rumah

Penilaian keterukan gejala

ringan

Jalani ujian RTK-Ag dan penimbal dihantar untuk ujian RT-PCR

Penilaian dan tindakan selanjutnya atas keputusan Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit

positif RTK-Ag

Keputusan

Tidak lulus

Stesen kuarantin

negatif RTK-Ag

- Jalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian selama 14 hari
- Isi penilaian sendiri setiap hari di MySejahtera
- Semak keputusan ujian RT-PCR semasa ketibaan

- Jalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian selama 14 hari
- Isi penilaian sendiri setiap hari di MySejahtera
- Semak keputusan ujian RT-PCR semasa ketibaan

Keputusan

- Semakan paparan Perintah Pengawasan (Annex 14)-Digital HSO dalam MySejahtera
- Pakai gelang pengawasan

Penilaian dan tindakan selanjutnya atas keputusan Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit

- Pelepasan pada hari ke-14
- Semak paparan Perintah Pelepasan daripada Pengawasan dan Pemerhatian dalam MySejahtera
- Gelang pengawasan dipotong di Pejabat Kesihatan berhampiran

Keputusan

Masuk PKRC

- Teruskan kuarantin
- Ambil swab RT-PCR pada hari ke-10

Keputusan

Pantau gejala semasa kuarantin

Ambil swab RT-PCR

Teruskan kuarantin

Penilaian keterukan gejala

Penilaian dan tindakan selanjutnya atas keputusan Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit